

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Dalam bab keempat ini, pengkaji mengemukakan dapatan dan analisis kajian secara terperinci. Dapatan kajian ini dibincangkan menurut susunan objektif kajian, iaitu;

- I. Mengenal pasti strategi membaca teks yang paling kerap dan biasa digunakan dan strategi yang paling kurang digunakan dalam kalangan pelajar melayu.
- II. Mengenal pasti perbezaan penggunaan strategi membaca teks antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- III. Mengenal pasti hubungan antara penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dengan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab.

Setiap objektif dikemukakan mengikut langkah-langkah berikut, iaitu analisis serta dapatan data, rumusan dan perbincangan. Kajian ini menggunakan dua jenis statistik ketika menganalisa data, iaitu; statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisa data yang berkaitan dengan jenis-jenis strategi membaca teks dan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab dalam bentuk frekuensi (f), peratusan (%), min dan sisihan piawai.

Statistik Inferensi pula digunakan untuk melihat perbezaan penggunaan strategi membaca teks berdasarkan gender, secara keseluruhan penggunaan strategi mahupun satu persatu. Bagi melihat korelasi antara penggunaan strategi membaca teks dengan

pencapaian bahasa Arab pelajar, korelasi Pearson  $r$  digunakan untuk menganalisa data tersebut.

Secara ringkasnya dapatan kajian ini merangkumi:

- i. Latar belakang responden.
- ii. Penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab secara keseluruhan
- iii. Kekekapan penggunaan strategi membaca teks dalam kalangan pelajar Melayu
- iv. Perbezaan penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan secara keseluruhan strategi yang diperbincangkan.
- v. Perbezaan penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengikut setiap kategori strategi yang diperbincangkan, iaitu; Strategi Global, Strategi Sokongan, dan Strategi Penyelesaian Masalah.
- vi. Korelasi penggunaan strategi membaca teks dengan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab.
- vii. Korelasi antara kategori strategi membaca teks (Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah dan Strategi Sokongan).


Bagi tujuan pelaporan frekuensi penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab ini, intepetasi Oxford (1990) dalam meletakkan kriteria penilaian tahap penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) telah digunakan. Skor min antara 3.5 hingga 5.0 adalah dianggap tinggi dalam penggunaan SPB, skor min di antara 2.5 hingga 3.49 adalah dianggap pertengahan dan sederhana, manakala skor min 1.0 hingga 2.49 pula adalah dianggap rendah dalam penggunaan. Jadi untuk mengukur tahap Strategi Membaca Teks Bahasa Arab (SMTBA), pengkaji mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Oxford (1990).

## 4.2 Latar belakang responden

Perkara-perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden dalam kajian ini adalah; jantina, umur, jurusan pengajian, semester pengajian, bahasa ibunda, maklumat mengenai pembelajaran bahasa Arab dan persepsi pelajaran mengenai bahasa Arab.

Jadual 4.1 : Jantina Responden Kajian (N = 50)

<b>L</b>	25	50%
<b>P</b>	25	50%




Rajah 4.1 Frekuensi dan Peratusan pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan (n = 50)

Jadual dan rajah 4.1 menunjukkan bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini. 50 orang, iaitu 25 (50%) orang pelajar lelaki dan 25 (50%) orang pelajar perempuan, mereka merupakan pelajar tahun satu, semester pertama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia.

Jadual 4.2: Umur Responden Kajian

18	2	2%
19	35	70%
20	9	18%
21	2	4%
22	2	4%
Jumlah	50	100%




Rajah 4.2: Peratusan Umur pelajar (n = 50)

Jadual dan rajah 4.2 menunjukkan umur responden kajian, iaitu daripada umur 18 tahun hingga 22 tahun. Responden berumur 19 tahun merupakan paling ramai dalam kajian ini, iaitu 35 orang (70%), responden yang berumur 18 tahun, 21 dan 22 tahun hanya seramai dua orang (4%) sahaja. Manakala pelajar yang berumur 20 tahun pula adalah seramai 9 orang (18%) sahaja.

Semua responden yang terlibat adalah berbangsa Melayu, dan bahasa pertuturan mereka adalah bahasa Melayu, bahasa Melayu juga merupakan bahasa ibunda bagi semua responden kajian. Bahasa yang sedang dipelajari sekarang (ketika kajian dijalankan) adalah bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Jangka masa atau tempoh pembelajaran bahasa tersebut sehingga sekarang (ketika kajian dijalankan) adalah seperti berikut:-

Jadual 4.3: Jangka Masa/ Tempoh Pembelajaran Bahasa Inggeris

1	13	26%
2	2	4%
3	8	16%
4	17	34%
5	3	6%
6	7	14%




Rajah 4.3: Jangka masa/ tempoh pembelajaran bahasa Inggeris (n = 50)

Jadual dan rajah 4.3 menunjukkan jangka masa atau tempoh pembelajaran bahasa Inggeris responden kajian iaitu dari satu tahun hingga enam tahun. 2 tahun merupakan tempoh jangka masa paling sedikit responden kajian mempelajari bahasa Inggeris iaitu seramai dua orang responden (4%). Manakala 4 tahun pula merupakan tempoh yang paling ramai responden kajian mempelajarinya iaitu seramai 17 orang (34%). Tempoh yang paling panjang responden mempelajari bahasa Inggeris adalah 6 tahun, iaitu seramai 7 orang (14%), diikuti pula tempoh yang paling singkat responden kajian mempelajarinya pula adalah 1 tahun, iaitu seramai 13 orang (26%). Tempoh 3 dan 5 tahun masing-masing seramai 8 orang (16%) dan 3 orang (6%).

Jadual 4.4: Tempoh / Jangka Masa Pembelajaran Bahasa Arab Di Peringkat Sekolah Hingga Sekarang

5-7 Tahun	33	66%
7-9 Tahun	17	34%
Jumlah	50	100%




Rajah 4.4: Peratusan Tempoh / Jangka Masa Pembelajaran Bahasa Arab Di Peringkat Sekolah Hingga Sekarang

Jadual dan rajah 4.4 menunjukkan tempoh jangka masa pembelajaran bahasa Arab responden kajian. 5-7 tahun adalah tempoh paling ramai responden kajian mempelajari bahasa Arab, iaitu seramai 33 orang (66%), dan tempoh jangka masa 7-9 tahun hanya seramai 17 orang (34%) sahaja.

Jadual 4.5: Pencapaian Bahasa Arab Pelajar Di Peringkat SPM

A	4	8%
B	27	54%
C	17	34%
D	2	4%
Jumlah	50	100%




Rajah 4.5: Peratusan pencapaian bahasa arab pelajar di peringkat SPM

Jadual dan rajah 4.5 menunjukkan pencapaian bahasa Arab peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Kesemua responden kajian lulus di dalam bahasa Arab peringkat SPM. Pelajar yang mendapat grad B adalah paling ramai iaitu seramai 27 orang (54%). Manakala pelajar yang lulus grad D adalah paling sedikit, iaitu hanya 2 orang (4%).



Pelajar yang mendapat gred B pula adalah sederhana ramai iaitu seramai 17 orang (34%).

Pelajar cemerlang yang mendapat gred A pula adalah seramai 4 orang (8%).




Rajah 4.6 : Peratusan Pelajar yang Mempelajari Bahasa Arab di Peringkat Matrikulasi

Rajah 4.6 menunjukkan peratusan pelajar yang mempelajari bahasa Arab di peringkat Matrikulasi, jawapan bagi soalan 11 dalam soal selidik bahagian A, iaitu “Adakah anda mempelajari bahasa Arab di peringkat Matrikulasi?”, dapatan ini juga menunjukkan pelajar-pelajar berkenaan adalah pelajar lepasan Matrikulasi. Seramai 7 orang (14%) pelajar yang mempelajari bahasa Arab dengan jawapan “Ya” di peringkat Matrikulasi. Manakala majoriti pelajar seramai 43 orang (86%) yang menyatakan “Tidak”.

Jadual 4.6: Pencapaian Bahasa Arab Pelajar Di Peringkat Matrikulasi


B	4	2%
C	3	8%
Tidak berkenaan	43	86%
Jumlah	50	100%



Rajah 4.7: Peratusan gred pencapaian pelajar di peringkat Matrikulasi

Jadual 4.6 dan rajah 4.7 menunjukkan gred pencapaian bahasa Arab pelajar ( $n = 50$ ) di peringkat Matrikulasi. Daripada 7 orang pelajar hanya 4 orang (8%) pelajar mendapat gred A, dan selebihnya iaitu 3 orang (6%) pelajar mendapat gred C. Manakala seramai 43

orang (86%) pelajar adalah tidak berkenaan, iaitu pelajar yang bukan daripada lepasan Matrikulasi. Pelajar-pelajar berkenaan adalah daripada lepasan STAM dan STPM.




Rajah 4.8: Peratusan Dan Frekuensi Pelajar yang Menduduki Peperiksaan STPM

Rajah 4.8 menunjukkan peratusan pelajar yang menduduki peperiksaan bahasa Arab di peringkat STPM, jawapan bagi soalan 12 dalam soal selidik bahagian A, iaitu “Adakah anda menduduki peperiksaan bahasa Arab di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)?, Seramai 2 orang (4%) pelajar yang mempelajari bahasa Arab dengan jawapan “Ya”. Manakala majoriti pelajar seramai 48 orang (96%) memberi jawapan “Tidak”.


Jadual 4.7: Pencapaian Pelajar Di Peringkat STPM (N = 50)

B	1	2%
C	1	2%
Tidak berkenaan	48	96%
Jumlah	50	100%



Rajah 4.9: Peratusan pencapaian pelajar di peringkat STPM

Berdasarkan jadual 4.7 dan rajah 4.9 diatas menerangkan bahawa hanya 2 orang (4%) pelajar sahaja daripada lepasan STPM. Pelajar berkenaan masing-masing mendapat gred B dan C sahaja, dan peratusan kedua-duanya adalah (2%). Lain-lain yang tidak berkenaan pula adalah pelajar-pelajar daripada lepasan STAM dan Matrikulasi.




Rajah 4.10: Peratusan Dan Frekuensi Pelajar Yang Menduduki Peperiksaan STAM

Rajah 4.10 menunjukkan peratusan pelajar yang menduduki peperiksaan STAM, jawapan bagi soalan 13 dalam soal selidik bahagian A, iaitu “Adakah anda menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)?”. Seramai 43 orang (86%) pelajar yang menduduki peperiksaan STAM dengan jawapan “Ya”. Manakala hanya 7 orang (14%) pelajar seramai yang memberikan jawapan “Tidak”.

Jadual 4.8: Pencapaian Bahasa Arab Pelajar Di Peringkat STAM (n = 50)

Mumtaz	1	2%
Jayyid Jiddan	4	8%
Jayyid	38	76%

Tidak berkenaan	7	14%
Jumlah	50	100%




Rajah 4.11: Peratusan Gred Pelajar Di Peringkat STAM

Berdasarkan jadual 4.8 dan rajah 4.11 menunjukkan frekuensi dan peratusan pelajar di peringkat STAM secara keseluruhan. Peratusan tertinggi di peringkat ini adalah Jayyid, iaitu seramai 38 orang (76%). Manakala Mumtaz, iaitu tahap cemerlang hanya seorang sahaja, iaitu (2%). Diikuti peringkat pelajar tahap sederhana cemerlang pula adalah 4 orang (8%) pelajar sahaja. 7 orang (14%) yang lain pula adalah tidak berkenaan. Mereka yang tidak berkenaan juga adalah daripada lepasan Matrikulasi dan STPM. Pengkaji mengambil kira pencapaian keseluruhan pelajar di peringkat STAM adalah kerana di peringkat ini kesemua mata pelajaran adalah dalam bahasa Arab, dan ini dapat menunjukkan tahap pelajar dalam membaca teks bahasa Arab.

Jadual 4.9: Sebab Pelajar Mempelajari Bahasa Arab

Mendalami ilmu agama	42	84%
Tujuan pendidikan	8	16%
Jumlah	50	100%




Rajah 4.12: Peratusan sebab pelajar mempelajari bahasa Arab

Jadual 4.9 dan rajah 4.12 menunjukkan frekuensi dan peratusan sebab pelajar mempelajari bahasa Arab. Terdapat hanya dua faktor yang menyebabkan pelajar mempelajari bahasa Arab, iaitu faktor mendalami ilmu agama dan faktor pendidikan. Seramai 48 orang (84%) pelajar yang mempelajari bahasa Arab untuk mendalami ilmu agama, manakala seramai 8 orang (16%) pelajar pula mempelajari bahasa Arab kerana tujuan pendidikan.

Jadual 4.10: Minat Pelajar Untuk Mempelajari Bahasa Arab (n = 50)

Kurang berminat	1	2%
Berminat	32	64%
Sangat berminat	17	34%
Jumlah	50	100%




Rajah 4.13: Peratusan dan frekuensi minat pelajar dalam mempelajari bahasa

Jadual 4.10 dan rajah 4.13 menunjukkan frekuensi dan peratusan minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Didapati pelajar yang berminat mempelajari bahasa Arab adalah paling tinggi, iaitu 32 orang (64%) pelajar. Manakala pelajar kurang berminat pula adalah paling sedikit, iaitu seorang (2%) pelajar sahaja. Pelajar yang sangat berminat mempelajari bahasa Arab pula seramai 17 orang (34%) pelajar.



Jadual 4.11: Pandangan Pelajar Mengenai Pembelajaran Bahasa Arab

Mudah	1	2%
Sederhana	4	8%
Susah	38	76%
Amat Susah	7	14%
Jumlah	50	100%



Rajah 4.14: Peratusan persepsi dan frekuensi pelajar mengenai bahasa Arab (Carta Bar)

Jadual 4.11 dan rajah 4.14 menunjukkan persepsi pelajar terhadap bahasa Arab. Seramai 33 orang (66%) pelajar mengatakan bahasa Arab adalah berada di tingkat sederhana dalam mempelajarinya, ini bermakna kebanyakan pelajar dalam kajian ini merasakan bahasa Arab senang dipelajari. Manakala hanya 5 orang (10%) pelajar mengatakan bahasa Arab

adalah amat susah. Diikuti dengan pelajar yang mengatakan bahasa Arab adalah mudah dan susah masing-masing 11 orang (22%) bagi skala mudah dan seorang (2%) pelajar bagi skala susah.

### **4.3 Penggunaan Strategi Membaca Teks Bahasa Arab Paling Kerap Dan Paling Kurang Dalam Kalangan Pelajar Melayu**

Bagi menjawab objektif kajian yang pertama ini, tiga aspek utama iaitu;

- i. Penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab mengikut jenis strategi
- ii. Kekerapan penggunaan setiap strategi membaca teks bahasa Arab
- iii. Penggunaan strategi membaca teks yang paling kerap dan paling jarang digunakan oleh pelajar


Selain itu, perbincangan turut dikemukakan berdasarkan maklumat demografi pelajar seperti umur, jantina, dan tahap pendidikan pelajar.

#### **4.3.1 Analisis dan dapatan kajian**

Bagi melihat penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab pelajar (n= 50) mengikut setiap kategori dengan lebih jelas, pengkaji memaparkannya dalam bentuk jadual dan huraian. Jadual di bawah menunjukkan dapatan setiap kategori strategi membaca teks, mengandungi skor min dan sisihan piawai bagi setiap kategori yang melibatkan semua responden (n=50).

Jadual 4.12: Penggunaan Keseluruhan Strategi Membaca Teks Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu

Keseluruhan	50	3.77	.514
Strategi Global	50	3.62	.556
Strategi Penyelesaian Masalah	50	4.01	.688
Strategi Sokongan	50	3.78	.570



Rajah 4.15: Skor Min Penggunaan Strategi membaca

Jadual 4.12 dan rajah 4.15 menunjukkan bahawa strategi penyelesaian masalah mencatatkan skor min tertinggi ( $M = 4.01$ ,  $SD = .688$ ,  $n = 50$ ). Manakala strategi global pula mencatatkan skor min terendah ( $M = 3.62$ ,  $SD = .556$ ,  $n = 50$ ). Strategi sokongan pula mencatatkan skor min pertengahan ( $M = 3.78$ ,  $SD = .570$ ,  $n = 50$ ). Jika dilihat daripada

keseluruhan kor min yang dicatatkan, tidak terdapat banyak perbezaan skor min antara ketiga-tiga kategori ini.

Jadual 4.13: Dapatan Skor Min dan Sisihan Piawai Penggunaan Strategi Membaca Teks (N = 50)

Strategi Global	1	3.82	1.024
	2	4.10	.863
	3	3.42	.928
	4	3.76	.822
	5	3.18	1.155
	6	3.08	1.085
	7	3.54	.908
	8	3.96	1.009
	9	3.56	1.091
	10	3.34	.982
	11	3.70	.863
	12	3.92	.900
	13	3.72	1.070
<b>Strategi Penyelesaian Masalah</b>	14	4.20	.833
	15	4.46	.762
	16	3.96	1.049

	17	3.94	1.018
	18	3.78	.954
	19	3.84	.976
	20	3.90	.995
<b>Strategi sokongan</b>	21	3.78	.790
	22	3.38	.967
	23	3.56	1.163
	24	4.32	.844
	25	4.18	.941
	26	3.62	.987
	27	3.64	.827
	28	3.34	.895
	29	4.12	1.043
	30	3.90	.886

Jadual 4.13 menunjukkan statistik deskriptif penggunaan strategi membaca teks pelajar, iaitu; skor min dan sisihan piawai keseluruhan bagi setiap kategori strategi membaca. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar menggunakan strategi membaca teks pada tahap yang agak tinggi kekerapannya, iaitu; ( $M = 3.77$ ,  $SD = .514$ ,  $n = 50$ ), dengan Strategi Penyelesaian Masalah sebagai pilihan utama mereka dengan skor min ( $M = 4.46$ ,  $SD = .762$ ,  $n = 50$ ). Strategi ini antara item 14 hingga 20. Item 15 adalah item yang paling tinggi skor min ( $M = 4.01$ ,  $SD = .688$ ,  $n = 50$ ) antara 30 strategi adalah item, iaitu “ saya cuba untuk kembali fokus kepada pembacaan ketika saya hilang konsentrasi”.

Dengan peratusan yang sering mengamalkannya adalah 60% ( $n = 30$ ), dan yang biasa mengamalkannya adalah 28% ( $n = 14$ ). Manakala hanya 2% ( $n = 1$ ) sahaja yang kadang-kadang mengamalkannya, jarang-jarang mengamalkannya pula adalah 10% ( $n = 5$ ). Disusuri dengan kategori strategi sokongan yang merupakan strategi yang berada pada tahap sederhana tinggi penggunaannya ( $M = 3.78$ ,  $SD = .570$ ,  $n = 50$ ), item yang berada dalam kategori strategi ini antara item 21 hingga 30. Item yang paling tinggi dalam strategi ini adalah item 24 ( $M = 4.32$ ,  $SD = .844$ ,  $n = 50$ ). Diikuti pula dengan kategori Strategi Global yang juga berada pada tahap sederhana tinggi ( $M = 3.62$ ,  $SD = .556$ ,  $n = 50$ ), terdiri dari item 1 hingga 13 dan item yang paling kurang kekerapannya pula adalah item 6 “Ketika membaca saya, saya memutuskan apa yang ingin saya baca dengan cermat dan apa yang saya abaikan” ( $M = 3.08$ ,  $SD = 1.085$ ,  $n = 50$ ) ia juga merupakan item yang paling rendah dalam keseluruhan strategi membaca teks. Kira-kira 8% ( $n = 4$ ) sahaja yang sering mengamalkannya bagi skala sering dan tidak pernah. Manakala pelajar yang biasa mengamalkannya adalah 30% ( $n = 15$ ), yang jarang-jarang mengamalkannya 32% ( $n = 16$ ), diikuti dengan yang kadang-kadang mengamalkannya pula adalah 22% ( $n = 11$ ). Ini menunjukkan tidak ada strategi yang dilaporkan berada pada tahap yang rendah ( $M < 3.0$ ).

Lima strategi yang paling digemari oleh pelajar adalah dibawah Strategi Penyelesaian Masalah dan Strategi Sokongan. Manakala lima yang kurang digemari oleh pula berada di bawah Strategi Global dan Strategi Sokongan. Dalam kategori Strategi Penyelesaian Masalah, dilaporkan penggunaannya kerap menunjukkan bahawa pelajar secara amnya sedar proses pemahaman mereka dan mampu mengambil tindakan apabila kefahaman terhenti, contohnya apabila hilang konsentrasi dalam membaca mereka cuba untuk kembali fokus kepada pembacaan. (Item 15,  $M = 4.46$ ,  $SD = .762$ ), apabila teks semakin sukar, mereka memberi lebih tumpuan untuk meningkatkan kefahaman

mereka “membaca semula untuk meningkatkan kefahaman” (item 17,  $M = 3.94$ ,  $SD = 1.018$ ) atau mereka “menyesuaikan kelajuan pembacaan mengikut apa yang dibaca” (item 16,  $M = 3.96$ ,  $SD = 1.049$ ).

Bagi memaparkan keupayaan untuk mengesan kesukaran kefahaman dan menyesuaikan strategi dengan sewajarnya, pelajar juga menunjukkan keupayaan merancang untuk membaca. Ini dapat dilihat daripada penggunaan Strategi Global seperti “berfikir tentang apa yang diketahui untuk membantu memahami apa yang dibaca” (item 2,  $M = 4.10$ ,  $SD = .863$ ), “mereka menggunakan jadual, nombor, dan gambar dalam teks untuk meningkatkan pemahaman mereka” (item 8,  $M = 3.96$ ,  $SD = 1.009$ ), “mereka mengagak apakah isi teks ketika teks dibaca” (item 12,  $M = 3.92$ ,  $SD = .900$ ), “menetapkan matlamat untuk membaca” (item 1,  $M = 3.82$ ,  $SD = 1.024$ ), “menggambil pandangan keseluruhan teks untuk mengetahui isi teks sebelum membaca” (item 3,  $M = 3.42$ ,  $SD = .928$ ), “menggunakan pengetahuan terlebih dahulu” (item 5,  $M = 3.18$ ,  $SD = 1.155$ ), dan “meramal kandungan teks” (item 10,  $M = 3.34$ ,  $SD = .982$ ). Mereka juga menunjukkan penglibatan dalam pemantauan kefahaman melalui penggunaan “ramalan mengesahkan” (item 13,  $M = 3.72$ ,  $SD = 1.070$ ), dan “memeriksa kefahaman” (item 11,  $M = 3.70$ ,  $SD = .863$ ). Selain itu penggunaan yang kerap bagi “mereka memutuskan apa yang hendak dibaca atau mengabaikannya” (item 4,  $M = 3.76$ ,  $SD = .822$ ), dan “menggunakan petunjuk konteks” (item 7,  $M = 3.54$ ,  $SD = .908$ ).

Dapatan analisis sederhana deskriptif bagi kategori skor min Strategi Sokongan, yang merupakan strategi sederhana diamalkan oleh responden kajian, ia menunjukkan ( $M = 3.78$ ,  $SD = .570$ ,  $n = 50$ ), rata-rata berkisar antara julat 3.34 hingga 4.32. Kebanyakan jawapan responden berada antara julat ini. Item 24 “Saya garis atau tanda maklumat dalam teks untuk membantu saya mengingatnya”, merupakan item yang paling tinggi skor min

( $M = 4.32$ ,  $SD = .844$ ,  $n = 50$ ), dengan peratusan responden yang sering mengamalkannya adalah 50% ( $n = 25$ ), manakala yang kadang-kadang dan jarang mengamalkannya berkongsi peratusan yang sama dengan 6% ( $n = 3$ ), dan yang sederhana pula 38% ( $n = 19$ ). Item 28 “Saya mengajukan soalan kepada diri saya, kerana mahukan jawapan dalam teks”, mencatat skor min paling rendah dengan ( $M = 3.34$ ,  $SD = .895$ ,  $n = 50$ ). Kira-kira 10% ( $n = 5$ ) bagi skala “sering“, “jarang-jarang” pula merupakan skala yang paling ramai ditanda oleh responden dengan 40% ( $n = 20$ ). “Kadang-kadang” dan “biasa“ pula masing-masing 18% ( $n = 9$ ) dan 32% ( $n = 16$ ).

Strategi Sokongan seperti “menanda maklumat dalam teks untuk tujuan mengingat” (item 24,  $M = 4.32$ ,  $SD = .844$ ) dan menyatakan kembali idea-idea dalam perkataan sendiri untuk memahami teks yang dibaca” (item 26,  $M = 3.62$ ,  $SD = .987$ ), ia digunakan oleh pelajar untuk membantu mereka bagi meningkatkan kefahaman dan ingatan. Strategi sokongan yang lain seperti membaca kuat, farasfrasa, menterjemah dari bahasa Arab ke bahasa Melayu adalah antara paling digemari dalam senarai strategi ini, tetapi keberkesanan strategi ini bergantung kepada konteks penggunaannya, contohnya; memperlahankan kelajuan bacaan untuk menjelaskan makna apabila pemahaman terhenti, Pressley & Afflerbach, 1995).

Jika skor min 3.5 dan ke atas dijadikan sebagai ukuran tahap penggunaan strategi yang tinggi, 3.5 hingga 3.49 berada di tahap sederhana, 2.49 dan ke bawah pula adalah tahap yang paling kurang penggunaannya. Jadual 4.12 menunjukkan mengenai kecenderungan keseluruhan kekerapan penggunaan strategi membaca teks pelajar. Seperti yang telah dipaparkan dalam jadual yang diberikan, daripada 30 strategi yang dilaporkan terdapat 6 strategi yang berada pada tahap paling tinggi penggunaannya iaitu ( $M = 4.0$ ) ke atas, iaitu 1 daripada Strategi Global, 2 daripada Strategi Penyelesaian Masalah, dan 3



daripada Strategi Sokongan. Penggunaan ketiga-tiga kategori strategi ini adalah berkait rapat dengan kecekapan pelajar dalam membaca. Majoriti daripada strategi membaca teks bahasa Arab ini berada pada penggunaan yang tinggi dengan skor min 3.5 dan ke atas, iaitu 24 daripada 30 strategi membaca teks bahasa Arab berada pada tahap tinggi dengan kategori SPEM mencatatkan keseluruhan itemnya berada pada tahap yang tinggi penggunaannya, kategori SG dan SS mencatatkan dengan 8 item yang berada pada tahap penggunaan yang tinggi.

Penggunaan strategi membaca teks yang berada pada tahap tinggi mencatat skor min daripada (item 7,  $M = 3.54$ ,  $SD = .908$ ) sehingga (item 15,  $M = 4.46$ ,  $SD = .762$ ). Manakala 6 item daripada strategi membaca teks mencatat skor min yang sederhana daripada (item 6,  $M = 3.08$ ,  $SD = 1.085$ ) sehingga (item 22,  $M = 3.38$ ,  $SD = .967$ ). Skor min rendah iaitu 1.0 sehingga 2.49 tidak dilaporkan dalam kajian ini, ini bermakna penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu berada pada tahap yang tinggi dan memberansangkan.

Jadual 4.14: Kedudukan Sepuluh Teratas Penggunaan Strategi Membaca Teks

1	SPEM	4.46	(15) Saya cuba kembali fokus kepada pembacaan ketika saya hilang konsentrasi.
2	SS	4.32	(24) Saya garis atau tanda maklumat dalam teks untuk membantu saya mengingatnya.
3	SPEM	4.20	(14) Saya membaca perlahan-lahan dan

			Berhati-hati untuk memastikan saya memahami apa yang saya baca.
4	SS	4.18	(25) Saya menggunakan bahan rujukan seperti kamus untuk membantu memahami apa yang saya baca.
5	SS	4.12	(29) Ketika membaca saya menterjemah dari bahasa Arab ke bahasa ibunda saya.
6	SPEM/ SG	3.96	(16) Saya menyesuaikan kelajuan pembacaan saya mengikut apa yang saya baca.  (8) Saya menggunakan jadual, nombor, dan gambar dalam teks untuk meningkatkan pemahaman saya.
7	SPEM	3.94	(17) Ketika teks menjadi semakin sukar, Saya memberi tumpuan dengan apa yang Saya baca.
8	SG	3.92	(12) Saya mengagak apakah isi teks ketika saya membaca.
9	SPEM/ SS	3.90	(20) Ketika mesej semakin sukar, saya kembali membacanya untuk meningkatkan kefahaman saya.  (30) Ketika membaca, saya berfikir tentang maklumat dalam bahasa Arab dan bahasa Ibunda saya.

10	SPEM	3.84	(19) Saya cuba menggambarkan dan memvisualisasikan maklumat untuk membantu saya mengingati apa yang saya baca.
----	------	------	--

Jadual 4.14 menunjukkan sepuluh strategi membaca teks yang paling kerap digunakan oleh pelajar. Strategi membaca teks yang paling kerap digunakan adalah daripada Strategi Penyelesaian Masalah (SPEM), dimana enam daripada sepuluh strategi adalah daripada kategori SPEM. Strategi Penyelesaian Masalah adalah jenis strategi pelarasan kelajuan membaca mengikut aras kesukaran teks dan membaca semula apabila menghadapi masalah semasa membaca. Strategi paling tinggi kerap digunakan (item 15,  $M = 4.46$ ,  $SD = .762$ ), diikuti (item 24,  $M = 4.32$ ,  $SD = .844$ ), (item 14,  $M = 4.20$ ,  $SD = .833$ ), (item 25,  $M = 4.18$ ,  $SD = .941$ ), (item 29,  $M = 4.12$ ,  $SD = 1.043$ ), (item 8,  $M = 3.96$ ,  $SD = 1.009$ ), (item 16,  $M = 3.96$ ,  $SD = 1.049$ ), (item 17,  $M = 3.94$ ,  $SD = 1.018$ ), (item 12,  $M = 3.92$ ,  $SD = .900$ ), (item 20,  $M = 3.90$ ,  $SD = .995$ ), (item 30,  $M = 3.90$ ,  $SD = .886$ ), dan yang terakhir (item 19,  $M = 3.84$ ,  $SD = .976$ ).

Jadual 4.15: Kedudukan Sepuluh Terendah Penggunaan Strategi Membaca Teks

1	SG	3.08	(6) Ketika membaca, saya memutuskan apa yang ingin saya baca dengan cermat dan yang saya abaikan.
2	SG	3.18	(5) Saya meninjau teks terlebih dahulu bagi Mencatat ciri-ciri sesuatu teks seperti Struktur dan panjang teks.
3	SG/ SS	3.34	(10) Saya kritis menganalisis dan menilai maklumat yang disampaikan dalam teks. (28) Saya mengajukan soalan kepada diri Saya, kerana mahukan jawapan dalam teks.
4	SS	3.38	(22) Saya membuat catatan ketika Membaca untuk membantu saymemahami apa yang saya baca.
5	SS	3.42	(22) Saya membuat catatan ketika mem-Baca untuk membantu saya memahami Apa yang saya baca.
6	SG	3.54	(7) Saya menggunakan penggunaan konteks untuk membantu saya lebih memahami apa yang saya baca.
7	SS/ SG	3.56	(9) Saya gunakan simbol typografi seperti “ <b>bold face</b> ” dan “ <i>italic</i> ” untuk mengenal-

			pasti kunci maklumat dalam teks yang saya baca.
			(23) Ketika teks menjadi semakin sukar, saya membaca dengan kuat bagi memahami apa yang saya baca.
8	SS	3.62	(26) Saya menfarafrasa (menyatakan kembali idea-idea dalam perkataan saya sendiri untuk lebih memahami apa yang saya baca).
9	SS	3.64	(27) Saya meneliti keseluruhan teks untuk mencari hubungan antara idea-idea di dalamnya.
10	SG	3.70	(11) Saya menyemak pemahaman saya ketika saya mendapat maklumat baru.

Jadual 4.15 menunjukkan sepuluh penggunaan strategi membaca teks yang paling rendah digunakan oleh pelajar. Strategi membaca teks yang terendah dicatatkan adalah daripada kategori Strategi Sokongan, dimana tujuh daripada sepuluh strategi adalah daripada kategori Strategi Sokongan. Skor min paling rendah dicatatkan adalah (item 6,  $M = 3.08$ ,  $SD = 1.085$ ), diikuti (item 5,  $M = 3.28$ ,  $SD = 1.155$ ), (item 10,  $M = 3.34$ ,  $SD = .982$ ), (item 28,  $M = 3.34$ ,  $SD = .895$ ), (item 22,  $M = 3.38$ ,  $SD = .967$ ), (item 3,  $M = 3.42$ ,  $SD = .928$ ), (item 7,  $M = 3.54$ ,  $SD = .908$ ), (item 9,  $M = 3.54$ ,  $SD = 1.091$ ), (item 23,  $M = 3.54$ ,  $SD =$

1.163), (item 26,  $M = 3.62$ ,  $SD = .987$ ), (item 27,  $M = 3.64$ ,  $SD = .827$ ), dan yang terakhir adalah (item 11,  $M = 3.70$ ,  $SD = .863$ ).

#### **4.3.2 Rumusan**

Secara keseluruhan, tahap penggunaan strategi membaca teks pelajar berada di tahap yang tinggi dan memberangsangkan, kerana skor min bagi ketiga-tiga kategori strategi membaca teks bahasa Arab adalah berada pada tahap tinggi secara keseluruhannya, 26 item daripada 30 item mencatatkan skor min pada tahap yang tinggi penggunaannya, hanya 6 item sahaja berada pada tahap sederhana. Keseluruhan item dalam kategori Strategi Penyelesaian Masalah adalah berada pada tahap yang tinggi. Skor min ketiga-tiga kategori yang diperolehi menunjukkan tidak banyak perbezaan antara penggunaan ketiga-tiga kategori strategi tersebut.

#### **4.4 Perbezaan Penggunaan Strategi Membaca Teks Antara Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan**


Bagi menjawab persoalan kedua kajian ini iaitu; “ Adakah terdapat perbezaan penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?”. Ujian-*t* pada tahap alpha 0.05 digunakan untuk menganalisa perbezaan min antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Perbezaan penggunaan strategi membaca teks pelajar lelaki dan pelajar perempuan dilihat dari ketiga-tiga strategi iaitu; strategi global, strategi sokongan, strategi menyelesaikan masalah dan perbezaan keseluruhan penggunaan strategi membaca teks antara gender.

#### 4.4.1 Analisis dan dapatan data

Hasil daripada analisis data yang diperolehi menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi membaca teks oleh pelajar perempuan berbanding dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan lebih cenderung untuk mempunyai tahap yang lebih tinggi penggunaan strategi membaca teks keseluruhan dan konsisten mencatatkan penggunaan yang lebih tinggi dalam semua kategori strategi membaca teks (Strategi Penyelesaian Masalah, Strategi Sokongan dan Strategi Global). Namun begitu perbezaan skor min antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah sedikit sahaja. Dapatan ini diperolehi dengan menggunakan ujian-*t*.

Jadual 4.16: Statistik Deskriptif Penggunaan Strategi Membaca Teks Mengikut Gender (N = 50)

SORS (ISM)	L	3.53	.551
	P	4.01	.339
SG (GLOB)	L	3.37	.548
	P	3.87	.447
SPEM (PROB)	L	3.75	.748
	P	4.27	.512
SS (SUP)	L	3.57	.656
	P	4.00	.369



Rajah 4.16: Skor Min Strategi Membaca Mengikut Gender (Carta Bar)

Jadual 4.16 dan rajah 4.16 pula menunjukkan ( $n = 50$ ), pelajar lelaki ( $M = 3.75$ ,  $SD = .551$ ,  $n = 25$ ) secara signifikan [ $t(48) = -3.743$ ;  $p < .05$ ] memperoleh skor inferensi yang rendah daripada daripada pelajar perempuan ( $M = 4.27$ ,  $SD = .339$ ,  $n = 25$ ).

Jadual 4.17: Nilai  $t$  Bagi Perbandingan penggunaan ketiga-tiga kategori Strategi Membaca Teks antara Gender ( $N = 50$ )

L	25	3.53	.551	-3.743	.000	1.634
P	25	4.01	.339			



Didapati nilai  $F$  yang diperoleh oleh Ujian *Levene's* dalam jadual 4.17 ialah 1.634 dan nilai ini tidak signifikan pada  $p = .05$ . Ini menunjukkan bahawa varian penggunaan strategi membaca teks antara lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan. Dalam erti kata lain, kedua-dua varians ini adalah sama.

Berdasarkan jadual 4.17 ini menunjukkan nilai- $t$  bagi perbandingan penggunaan strategi membaca teks antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan ialah  $t=-3.743$  dan tahap signifikan  $p=.001$ , terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan kesemua strategi membaca teks bahasa Arab pelajar lelaki dan pelajar perempuan di mana nilai  $p = .207 < 0.05$ .

Jadual 4.18: Nilai  $t$  Bagi Perbandingan Penggunaan Strategi Global berdasarkan gender (N = 50)

L	25	3.37	.548	-3.544	.001	.239
P	25	3.87	.447			

Didapati nilai  $F$  dalam jadual 4.18 yang diperoleh oleh Ujian *Levene's* ialah 3.732 dan nilai ini tidak signifikan pada  $p = .05$ . Ini menunjukkan bahawa varians penggunaan strategi membaca teks antara lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan. Dalam erti kata lain, kedua-dua varians ini adalah sama.

Jadual 4.18 menunjukkan perbandingan Ujian-*t* yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi membaca global antara gender, iaitu; ( $n = 50$ ), pelajar lelaki ( $M = 3.37, SD = .548, n = 25$ ) secara signifikan [ $t(48) = -3.544; p < .05$ ] memperoleh skor inferensi yang rendah daripada pelajar perempuan ( $M = 3.87, SD = .447, n = 25$ ).

Jadual 4.19: Nilai *t* Bagi Perbandingan Penggunaan Strategi Menyelesaikan Masalah antara Gender (N =50)

L	25	3.75	.748	-2.900	.006	2.976
P	25	4.27	.512			

Didapati nilai *F* dalam jadual 4.19 yang diperoleh oleh Ujian *Levene's* adalah 2.976 dan nilai ini tidak signifikan pada  $p = .05$ . Ini menunjukkan bahawa varians penggunaan strategi membaca teks antara lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan. Dalam erti kata lain, kedua-dua varians ini adalah sama.

Jadual 4.19 menunjukkan perbandingan Ujian-*t* ( $n = 50$ ), pelajar lelaki ( $M = 3.75, SD = .748, n = 25$ ) secara signifikan [ $t(48) = -3.75; p, .05$ ] memperoleh skor inferensi yang lebih rendah daripada pelajar perempuan ( $M = 4.27, SD = .512, n = 25$ ).

Jadual 4.20 : Nilai  $t$  Bagi Perbandingan Penggunaan Strategi Sokongan Antara Gender (N = 50)

L	25	3.57	.656	-2.872	.006	3.732
P	25	4.00	.369			

Didapati nilai  $F$  yang diperolehi oleh Ujian *Levene's* dalam jadual 4.20 adalah 3.732 dan nilai ini tidak signifikan pada  $p = .05$ . Ini menunjukkan bahawa varians penggunaan strategi membaca teks antara lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan. Dalam erti kata lain, kedua-dua varians ini adalah sama.

Berdasarkan Jadual 4.20 Perbandingan Ujian- $t$  menunjukkan ( $n = 50$ ), pelajar lelaki ( $M = 3.57$ ,  $SD = .656$ ,  $n = 25$ ) secara signifikan [ $t (-2.872, p < .05)$ ] memperoleh inferensi skor yang lebih rendah daripada pelajar perempuan ( $M = 4.00$ ,  $SD = .369$ ,  $n = 25$ ).

Nilai min pelajar lelaki dan pelajar perempuan secara signifikannya menunjukkan bahawa pelajar perempuan menggunakan keseluruhan strategi membaca teks bahasa Arab lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Begitu juga nilai min bagi setiap strategi membaca teks, iaitu; strategi global, strategi sokongan, dan strategi menyelesaikan masalah juga secara signifikannya menunjukkan bahawa pelajar perempuan menggunakan strategi membaca teks bahasa Arab lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

#### **4.4.2 Rumusan**

Secara ringkasnya, analisis yang diperolehi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi membaca teks antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Secara umumnya pelajar perempuan mencatat skor min yang tinggi berbanding pelajar lelaki dalam semua kategori strategi membaca teks (Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah, dan Strategi Sokongan). Ujian-*t* ini menyokong pemerhatian bahawa gender dikaitkan dengan ketiga-tiga kategori strategi yang dibincangkan dalam kajian ini.

#### **4.5 Hubungan Antara Penggunaan Strategi Membaca Teks Bahasa Arab Dengan Pencapaian Pelajar**

Bagi menjawab persoalan ketiga kajian ini, iaitu “Adakah terdapat hubungan antara penggunaan Strategi Membaca Teks bahasa Arab dengan pencapaian pelajar?”. Pengkaji menggunakan korelasi Pearson untuk menganalisa data kajian ini.

##### **4.5.1 Analisis Dan Dapatan Data**

Bagi menjawab objektif yang ketiga ini, hubungan antara pembolehubah diambil kira berdasarkan markah dan gred ujian bahasa Arab yang telah dijalankan oleh pengkaji. Antara pembolehubah yang terlibat adalah gred pencapaian pelajar dan strategi membaca teks. Elemen-elemen penting yang termasuklah skor min setiap kategori strategi, skor min keseluruhan strategi dan pencapaian dalam bahasa Arab.

Jadual 4.21: Taburan Dapatan Markah Ujian Kemahiran Membaca

36	1	2%
40	3	6%
41	1	2%
56	1	2%
60	1	2%
62	1	2%
65	2	4%
66	1	2%
67	1	2%
68	4	8%
70	5	10%
72	1	2%
73	6	12%
74	2	4%
76	2	4%
77	4	8%
79	2	4%
80	2	4%
82	3	6%
83	2	4%
86	2	4%

90	2	4%
95	1	2%
Jumlah	50	100%

Jadual 4.21 menunjukkan dapatan markah ujian yang diperolehi daripada ujian Kemahiran Membaca yang telah dijalankan terhadap responden responden.

Jadual 4.22: Nilai korelasi Antara Penggunaan Strategi Membaca Teks dengan Pencapaian Pelajar.

Markah (Pencapaian Bahasa Arab Pelajar)	$r = .218$
Dengan Keseluruhan Kategori Strategi Membaca Teks (SG, SPM, SS)	$\text{sig} = .128$
	$N = 50$

Jadual 4.23 : Nilai Korelasi penggunaan Strategi Membaca Teks dengan Pencapaian Bahasa Arab pelajar mengikut setiap kategori Strategi Membaca.

Markah (Pencapaian Bahasa Arab Pelajar)	$r = .221$
---	------------

Dengan Strategi Global	$sig = .123$
	$N = 50$
Markah (Pencapaian Bahasa Arab Pelajar)	$r = .255$
Strategi Penyelesaian Masalah	$sig = .074$
	$N = 50$
Markah (Pencapaian Bahasa Arab Pelajar)	$r = .095$
Strategi Sokongan	$sig = .514$
	$N = 50$

Skor min bagi setiap kategori strategi membaca teks bahasa Arab dipaparkan dalam jadual 4.13. Jadual 4.23 menunjukkan hasil analisis korelasi antara pencapaian bahasa Arab pelajar dengan penggunaan strategi membaca teks adalah sangat lemah, pekali korelasi  $r(218) = .128, p > .05$ . Hubungan korelasi ini adalah tidak signifikan, dimana nilai  $p > .05$  ( $p = .128$ ).

Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa perhubungan antara gred pencapaian bahasa Arab pelajar dengan penggunaan strategi membaca teks tidak signifikan ( $r = .21, p > .05$ ). Ini menjelaskan bahawa tidak terdapat perhubungan antara gred pencapaian bahasa Arab dengan penggunaan strategi membaca teks. Perhubungan yang lemah ( $r = .218$ ) antara kedua pembolehubah yang wujud dalam sampel kajian mungkin wujud secara kebetulan, dan ia mungkin disebabkan oleh ralat pengukuran atau ralat persampelan.

Berdasarkan pada keputusan analisis ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa dalam populasi pelajar ini, pencapaian bahasa Arab para pelajar tidak berkait dengan penggunaan strategi membaca teks mereka.

Setelah melihat analisis korelasi pencapaian bahasa Arab pelajar dengan penggunaan strategi membaca teks mereka, maka adalah lebih baik diperincikan dapatan ini kepada korelasi pencapaian pelajar dengan strategi membaca teks mengikut setiap kategori strategi membaca teks, iaitu; Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah, dan Strategi Sokongan dengan pencapaian pelajar. Jika ditinjau dapatan korelasi responden ( $n=50$ ), pencapaian bahasa Arab keseluruhan pelajar dan korelasi antara pencapaian keseluruhan pelajar dengan penggunaan Strategi Global adalah sangat lemah, pekali korelasi  $r(221) = .123, p > .05$ . Hubungan korelasi ini adalah tidak signifikan, dimana nilai  $p > .05$  ( $p = .128$ ).

Dalam pada itu, dapatan korelasi antara gred pencapaian pelajar dengan Strategi Penyelesaian Masalah juga sangat lemah. Nilai pekali korelasi  $r(255) = .074, p > .05$ . Menunjukkan korelasi yang lemah antara kedua-dua pembolehubah ini. Korelasi ini adalah tidak signifikan, dimana nilai  $p > .05$  ( $p = .074$ ).

Dapatan korelasi bagi kategori strategi sokongan dengan pencapaian bahasa Arab pelajar pula adalah dengan pekali korelasi  $r(095)$  juga menunjukkan korelasi yang lemah antara kedua-dua pembolehubah ini. Korelasi ini adalah tidak signifikan, dimana nilai  $p > .05$  ( $p = .514$ ).

Analisis korelasi keseluruhan strategi membaca teks dengan pencapaian pelajar dan korelasi bagi setiap kategori strategi dengan pencapaian pelajar adalah tidak signifikan, di mana nilai pekali korelasi  $r$  lebih besar daripada  $p > .05$ . Ini menunjukkan penggunaan



strategi membaca teks responden ( $n = 50$ ) tidak mempengaruhi pencapaian bahasa Arab mereka. Kelemahan hubungan ini mungkin disebabkan faktor ralat instrumen atau faktor-faktor lain yang munasabah.

Walau bagaimanapun dapatan analisis korelasi antara ketiga-tiga kategori strategi membaca teks ini adalah lebih menarik dan positif. Dapatan korelasi pada peringkat ini melibatkan korelasi antara semua kategori strategi.

Jadual 4.24: Nilai Korelasi Kategori Strategi Membaca Teks Antara (Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah dan Strategi Sokongan).

Strategi Global Dengan Strategi Penyelesaian Masalah	$r = .669$ $sig = .000$ $N = 50$
Strategi Penyelesaian Masalah Dengan Strategi Sokongan	$r = .573$ $sig = .000$ $N = 50$
Strategi Sokongan Dengan Strategi Global	$r = .632$ $sig = .000$ $N = 50$

Berdasarkan jadual 4.24, dapatan kajian menunjukkan nilai korelasi antara kategori strategi membaca teks dengan Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah dan Strategi Sokongan. Pekali korelasi antara Strategi Global dengan Strategi Penyelesaian Masalah  $r(.669)$ ,  $p < .05$ . Terdapat korelasi yang positif dan signifikan pada tahap yang sederhana antara kedua pembolehubah ini. Hubungan korelasi ini adalah signifikan, dimana  $p < .0$  ( $p = .000$ ).

Pekali korelasi antara Strategi Penyelesaian Masalah dengan Strategi Sokongan  $r(.573)$ ,  $p < .05$ . Terdapat korelasi yang positif dan signifikan pada tahap yang sederhana antara kedua pembolehubah ini, dengan nilai  $p < .0$  ( $p = .000$ ). Seterusnya nilai korelasi antara Strategi Global dengan Strategi Sokongan juga berada pada tahap sederhana dengan  $r(.632)$ ,  $p < .05$ . Hubungan korelasi ini adalah positif dan signifikan pada tahap yang sederhana, dimana  $p < .0$  ( $p = .000$ ).

#### **4.5.2 Perbincangan**

Hasil kajian ini menggambarkan beberapa penggunaan strategi membaca dalam kalangan pelajar melayu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dalam konteks Malaysia, kajian ke atas strategi bacaan telah banyak dijalankan. Walau bagaimanapun, sepanjang kajian ini, pengkaji melihat tidak banyak penyelidikan dilakukan dalam konteks bahasa Arab dan strategi membaca teks. Oleh itu, kajian ini adalah penting dalam konteks bahasa Arab di peringkat Universiti. Khususnya dari sudut bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Kajian ini berfungsi sebagai pencetus dan rujukan untuk kajian-kajian yang akan datang, lebih banyak aspek-aspek yang harus dikaji pada masa akan datang.

Secara umumnya, dapatan bagi objektif kajian ini konsisten dengan kajian-kajian lain yang menyelidik penggunaan strategi membaca, kerana hampir kesemua kajian tersebut menunjukkan dapatan kajian yang hampir sama, iaitu Strategi Penyelesaian Masalah mencatatkan penggunaan yang paling tinggi. Namun begitu terdapat sedikit perbezaan daripada dapatan kajian ini. Dimana strategi yang sederhana penggunaannya adalah Strategi Sokongan, manakala strategi membaca teks yang paling rendah penggunaannya adalah Strategi Global. Daripada dapatan kajian yang terdahulu, kebanyakannya mencatatkan Strategi Global sebagai strategi yang sederhana penggunaannya, manakala Strategi Sokongan pula adalah strategi paling rendah penggunaannya, ini berlaku mungkin kerana kajian ini adalah dalam konteks bahasa Arab, dan kajian-kajian yang terdahulu pula kebanyakannya dalam konteks bahasa Inggeris. Perkara ini berlaku disebabkan banyak faktor, antaranya faktor latar belakang pendidikan, faktor umur, faktor minat, faktor kepentingan dan keperluan sesuatu bahasa tersebut dan banyak lagi.

Penggunaan semua strategi juga mempamerkan keupayaan mereka dalam membuat keputusan untuk memudahkan pemahaman dan meningkatkan kemahiran membaca mereka. Tetapi adalah tidak menghairankan penggunaan Strategi Global ini kurang kerap berbanding Strategi Penyelesaian Masalah dan Strategi Sokongan.

Meneliti dapatan yang diperolehi, dapatlah ditegaskan bahawa penggunaan strategi membaca teks dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang memuaskan. Dimana responden-responden kajian ini tahu dan sedar mengenai strategi membaca teks yang digunakan. Dapatan bagi objektif ketiga menunjukkan penggunaan strategi membaca teks mempunyai perkaitan yang tidak signifikan dengan pencapaian bahasa Arab pelajar, dapatan ini jelas tidak menyokong hipotesis kajian yang mengandaikan terdapat hubungan

yang signifikan antara pasangan pembolehubah ini. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kelemahan dalam menggunakan strategi membaca secara konsisten. Dapatan ini konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh Azhar Zailaini (1999) mengenai hubungan antara strategi metakognitif membaca dengan pencapaian akademik mata pelajaran sains sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Namun begitu kajian ini tidak konsisten dengan kajian Azhar Zailaini & Hassan Basri (2005), dimana kajian ini mendapati perhubungan pencapaian akademik beberapa mata pelajaran bahasa (bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris) dengan kesedaran kognitif membaca adalah signifikan.

Berlainan pula dengan dapatan bagi objektif kedua kajian ini, di mana perbezaan gender dengan penggunaan strategi membaca menunjukkan dapatan yang signifikan. Meneliti dapatan yang diperoleh menunjukkan [ $t(48) = -3.743; p < 05$ ]. Ia membuktikan pelajar perempuan menggunakan strategi membaca teks lebih tinggi dalam keseluruhan kategori strategi membaca berbanding pelajar lelaki, dapatan ini konsisten dengan beberapa kajian lepas yang dilakukan oleh (Zimmerman & Nyikos, 1990; Shoerey, 1999; Oxford & Nyikos, 1998), yang melaporkan bahawa pelajar perempuan lebih cenderung kepada penggunaan strategi metakognitif yang lebih tinggi. Namun begitu dapatan ini tidak konsisten dengan Pakiti (2002), di mana kajian ini mendapati tidak wujud sebarang perbezaan dalam penggunaan strategi kognitif, pelajar lelaki menggunakan strategi berkenaan lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

Walau bagaimanapun, mungkin disebabkan oleh reka bentuk kajian, ia sukar untuk menunjukkan arah penggunaan strategi-strategi tersebut. Frikkuensi penggunaan strategi membaca teks tinggi yang dilaporkan pula, mungkin disebabkan oleh penguasaan mereka sebagai pembaca adalah tinggi, dan strategi yang sama juga diguna pakai oleh kumpulan yang sederhana dan rendah penggunaan strateginya. Analisis di atas menunjukkan bahawa

pelajar sedar mengenai proses kognitif mereka semasa membaca dan mampu menggunakan pelbagai strategi bacaan teks bahasa kedua (B2) atau bahasa asing (BA) untuk mencapai tahap kefahaman yang maksimum. Dapatan ini disokong oleh banyak kajian lain (e.g., Block, 1986, 1992; Hadwin et al., 2001; Sheorey & Mokhtari, 2001; Zhang, 2001; Zhang et al., 2008). Ini membuktikan bahawa pembaca B2 dan BA yang mempunyai penguasaan yang tinggi ataupun rendah sedar mengenai penggunaan strategi membaca mereka.

Memandangkan model kefahaman membaca sering diguna pakai dalam pelajaran membaca *EFL* (Anderson, 1999), pelajar dan guru mungkin terlibat dalam penggunaan strategi membaca yang sama tanpa sedar. Pelajar mungkin telah mendapat strategi ini melalui amalan yang kerap kali terjadi ketika latihan kefahaman yang dijalankan oleh guru-guru mereka, walaupun mereka tidak diajar mengenai strategi dengan jelas (Paris et al, 1994; Pressley, 2002).

Selain itu, perlu ditegaskan bahawa kesemua pembolehubah selanjar ini juga bukanlah suatu fenomena peribadi atau dalaman yang dicetuskan oleh diri setiap responden semata-mata. Bahkan faktor motivasi, kognitif, persepsi terhadap bahasa Arab, kesungguhan dalam memahami bahasa Arab, serta minat terhadap bahasa Arab turut dipengaruhi oleh aspek luaran seperti pengajaran, peperiksaan, interaksi dengan rakan, keperluan tugas bahasa, suasana institusi dan matlamat pembelajaran. Justeru, hakikat gambaran yang dipaparkan di sini hanyalah sebahagian kecil daripada fenomena yang kompleks dan luas.

Lantaran itu, keputusan yang diperolehi di luar jangkaan kerana secara logiknya, pencapaian bahasa mesti mempunyai hubungan dengan penggunaan strategi membaca teks pelajar, ini kerana jika seseorang pelajar mengamalkan strategi yang berkesan, sudah

semestinya pencapaian dalam bahasanya akan meningkat. Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat menjelaskan senario tersebut. Antaranya, orientasi peperiksaan yang menjadikan pelajar ghairah untuk mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Tegasnya, tiada kejituan hubungan antara penggunaan strategi membaca dengan pencapaian pelajar dalam kalangan responden kajian yang dipilih. Metod pengajaran guru turut mempengaruhi cara latihan perguruan secara formal dan sistematik mungkin tidak berjaya menghidupkan suasana pembelajaran bahasa yang menarik dan berkesan. Keadaan ini menjadikan majoriti guru lebih banyak menggunakan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru (Erni Suliani & Zahiyah 2005).

#### **4.6 Penutup**

Daripada keseluruhan dapatan data yang diperolehi, dapatlah disimpulkan secara ringkas bahawa secara amnya, terdapat penggunaan strategi membaca teks yang memuaskan dalam kalangan responden kajian. Strategi Penyelesaian Masalah adalah strategi yang paling kerap dan biasa digunakan dalam kalangan pelajar. Manakala Strategi Global pula adalah strategi yang paling kurang digunakan dalam kalangan pelajar. Penggunaan strategi mengikut gender pula mencatatkan penggunaan yang lebih tinggi dan kerap adalah pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa antara penggunaan strategi membaca teks dengan pencapaian pelajar tidak ada sebarang kaitan, ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar dalam bahasa Arab tidak berkait rapat dengan penggunaan ketiga-tiga kategori strategi membaca teks yang dibincangkan dalam kajian ini.